KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT SEMARAKKAN PESTA CAHAYA, PERKUKUH PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

PUTRAJAYA, 27 Oktober 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus menyemarakkan semangat perpaduan dan keharmonian menerusi penganjuran **Majlis Pesta Cahaya Sempena Perayaan Deepavali Peringkat KPKT Tahun 2026** yang paling meriah di Dewan Kristal, KPKT hari ini.

Penganjuran tahunan ini mencerminkan komitmen KPKT dalam **meraikan kepelbagaian budaya dan kepercayaan, di samping memperkukuh hubungan silaturahim serta semangat kebersamaan dalam kalangan warga kementerian** yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan budaya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, KPKT sentiasa menjadikan sambutan perayaan utama di Malaysia sebagai wadah untuk menyatukan warga kementerian, memupuk persefahaman dan menyemai rasa hormat terhadap kepelbagaian yang menjadi kekuatan negara.

“Inilah sambutan Deepavali terbesar yang dianjurkan dalam sejarah KPKT. Di KPKT, kepelbagaian bukanlah penghalang untuk kita bersatu sebaliknya merupakan kekuatan yang menyatukan kita sebagai satu keluarga. Sama ada Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali mahupun Krismas, setiap perayaan diraikan bersama sebagai lambang rasa hormat, kepercayaan dan penghargaan terhadap kepelbagaian yang kita miliki,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa semangat kebersamaan dan saling menghormati perlu terus diperkukuh dalam setiap aspek kehidupan, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk membina masyarakat yang harmoni, inklusif dan sejahtera. Komitmen ini turut dizahirkan melalui usaha KPKT memastikan penyampaian perkhidmatan yang adil dan saksama demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Beliau turut berkongsi tentang pelbagai usaha Kerajaan MADANI dalam memelihara komuniti India. Antaranya, melalui MITRA, Kerajaan MADANI telah menyediakan subsidi pendidikan awal sehingga RM2,530 kepada 4,000 orang kanak-kanak berbangsa India

bagi golongan B40, subsidi bantuan dialisis sehingga RM5,000 setahun untuk 1,300 pesakit buah pinggang B40 serta bantuan kebajikan dan tunai kes-demi-kes kepada golongan keperluan seperti skim keperluan harian asas, bantuan perkahwinan, cermin mata, dan khairat kematian.

KPKT juga telah menerajui inisiatif penyelenggaraan Rumah Beribadat Bukan Islam (RIBI) termasuk kuil dengan lebih RM200 juta telah diperuntukkan untuk menaiktaraf dan membaikpulih RIBI di seluruh negara.

Majlis Pesta Cahaya tahun ini turut diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan yang mengetengahkan keunikan seni dan tradisi masyarakat India, antaranya persembahan tarian tradisional diiringi paluan gendang Dhol, persembahan kebudayaan oleh Kumpulan BollyOn serta seni mempertahankan diri tradisional Silambattam. Persembahan koir daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta persembahan muzik oleh Band Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut menambah kemeriahan sambutan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib dan barisan pengurusan tertinggi KPKT, ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah kementerian serta warga kerja KPKT yang bersama-sama memeriahkan sambutan dengan mengenakan pakaian tradisional berwarna-warni, sekali gus menyerlahkan keindahan kepelbagaian budaya dalam suasana penuh mesra dan harmoni.

Penganjuran Majlis Pesta Cahaya ini bukan sekadar meraikan perayaan, malah menjadi manifestasi komitmen KPKT dalam membina persekitaran kerja yang inklusif, menghargai sumbangan setiap warga dan memperkukuh semangat kekitaan. KPKT akan terus menyemarakkan nilai perpaduan, keharmonian dan saling menghormati sebagai asas membina organisasi yang bersatu padu serta komited memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 I Faks : 03-8891 5557 I E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my